



ADNAN Yaakob diiringi Abdul Khalik Sulaiman (tengah) dan Yuserrie Zainuddin (kiri) melawat pameran buku sempena Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Negeri Pahang di UMP, Gambang, Kuantan, semalam. - UTUSAN/WAHAI HIRALI

Terjemah nama asing kepada bahasa Melayu

UM (Bulan Keset) # 18/10/14 ms 11

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
shof.iso@utusan.com.my

KUANTAN 17 Okt. - Permohonan nama bagi taman perumahan, gedung perniagaan atau institusi yang dibuat dalam bahasa Inggeris perlu diterjemah ke bahasa Melayu dalam usaha memastikan bahasa kebangsaan terus dimartabatkan.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob sehubungan itu berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu memainkan peranan ber-

kenaan dengan sebaik mungkin.

"Sebagai contoh Putra Square, nama ini boleh diterjemah kepada Medan Putra. Jadi, jika ada permohonan yang dibuat dalam bahasa Inggeris, nama itu perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Bahasa Jiwa Bangsa 2014 peringkat negeri Pahang di Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang (UMP) kampus Gambang di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah

Jabatan Dasar dan Pendidikan DBP, Abdul Khalik Sulaiman dan Timbalan Naib Cancellor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin.

Isu penggunaan nama bersifat tidak kebangsaan bagi taman perumahan, gedung perniagaan atau institusi itu mendapat perhatian Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika berucap melancarkan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Kebangsaan 2014 di Putrajaya, Selasa lalu.